

MELASHINE CREAM

Hydroquinone (4% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MELASHINE CREAM
2. Bagaimana MELASHINE CREAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan MELASHINE CREAM
4. Cara menggunakan MELASHINE CREAM
5. Semasa menggunakan MELASHINE CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MELASHINE CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan MELASHINE CREAM

Merawat pigmentasi kulit yang teruk seperti melasma, tetua dan *lentigine*.

Bagaimana MELASHINE CREAM berfungsi

Penyapuan hydroquinone pada kulit boleh mengurangkan pigmen kulit berbalik dengan perencutan proses pigmentasi enzimatik dan menghalang penghasilan melanin.

Sebelum menggunakan MELASHINE CREAM

Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah kepada komponen dalam MELASHINE CREAM. Ia tidak boleh digunakan untuk kulit yang terlepas atau terselar matahari. Ia tidak boleh digunakan untuk meluntur warna bulu mata atau kening, jangan mengenakan krim pada mata semasa menggunakan.

Sebelum menggunakan MELASHINE CREAM

Ujian sensitiviti patut dijalankan dengan menggunakan MELASHINE CREAM, sapu sedikit krim tersebut pada kulit dan menyemak selepas 24 jam untuk memastikan supaya tiada hipersensitiviti.

MELASHINE CREAM boleh menyebabkan kemerahan dan kepedihan yang ringan. Kepekatan tinggi atau penggunaan yang berpanjangan boleh membawa kepada pigmentasi yang teruk terutama di kawasan kulit yang terdedah kepada cahaya matahari. Walaupun kemerahan ringan bukannya kontraindikasi, rawatan lanjut tidak digalakkan jika terdapat gata-gatal atau perbentukan kantung air atau tindak balas keradangan yang teruk.

Tidak boleh digunakan untuk mencegah selaran matahari.

Mengandung dan menyusukan anak

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda mengandung, menyusukan anak atau menggunakan ubat lain. Penggunaan hydroquinone secara topikal oleh wanita yang mengandung dibenarkan sekiranya ianya jelas dinyatakan. Langkah berhati-hati perlu diambil sekiranya wanita yang menyusukan anak menggunakan hydroquinone secara topikal.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Tiada interaksi ubat-ubat dilaporkan.

Cara menggunakan MELASHINE CREAM

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada kulit dua kali sehari. Sapukan pada kawasan kecil badan pada satu masa.

-Bila perlu digunakan

Gunakan apabila memerlukan.

-Berapa lama perlu digunakan

Berhenti menggunakan jika kulit tidak bertambah baik selepas penggunaan selama 2 bulan.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan krim, gunakan secepat mungkin dan teruskan penggunaannya seperti biasa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada sebarang reaksi sistemik dari penggunaan hydroquinone topikal.

Semasa menggunakan MELASHINE CREAM

-Perkara yang perlu dilakukan

Menggunakan krim dengan berpandukan kepada label atau seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Berhenti penggunaan krim ini sekiranya sensitiviti atau kerengsaan selepas menggunakan. Pengguna dinasihatkan menyapu krim pelindung matahari untuk melindungi diri mereka daripada cahaya matahari atau menggunakan MELASHINE CREAM hanya pada waktu malam.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Tidak boleh menyentuhkan krim pada mata anda atau simpan di tempat yang senang dicapai oleh kanak-kanak.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Hydroquinone adalah agen peluntur kulit yang boleh menghasilkan kesan kosmetik yang tidak diingini jika tidak digunakan seperti yang diarahkan.

Kesan-kesan sampingan

Tiada sebarang reaksi sistemik dari penggunaan hydroquinone topikal. Kes hipersensitiviti pernah dilaporkan, jadi pengguna dinasihatkan menjalankan pencubaan produk pada kulit sebelum mengguna. *Ochronosis* (penguningan kulit) biasanya menjadi jelas selepas penggunaan krim selama 6 bulan, ia mungkin tidak dapat dipulihkan. Kes perubahan warna kuku menjadi perang yang dapat dipulihkan juga pernah dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan MELASHINE CREAM

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

MELASHINE CREAM perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Hydroquinone
- Bahan tidak aktif
 - Diethylene Glycol Monoethyl Ester
 - Emulsifying Wax
 - Stearyl Alcohol
 - Coconut Oil
 - POE Monostearate
 - Butylated Hydroxytoluene
 - Propylene Glycol
 - Stearic Acid
 - Dimethicone
 - Methyl Paraben
 - Propyl Paraben
 - Sodium Metabisulfite
 - Titanium Dioxide

-Nombor MAL

MAL07122844A

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan
Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000
Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor D.E.,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/02/2016

Nombor Siri

BPK(R4/1)150216/00032